

Headline	UniKL idam lebur SSTMI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	324,097
Page No	58	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	342 cm ²
Journalist	Saiful Affendy Sapran	AdValue	MYR 12,631
Frequency	Daily	PR Value	MYR 37,893



UniKL idam lebur SSTMI

Juara liga baru andai menang



PEMAIN UniKL (kanan) mengasak lawan pada perlawanan bulan lalu.



Oleh Saiful Affendy Sapran
saifulaffendy@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

UniKL Young Guns tekad meleburkan rekod gah Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI Thunderbolt) dengan cuba memenangi perlawanan terakhir Liga Hoki Malaysia (LHM) sekali gus dinobatkan juara liga baru.

Bakal berlangsung di Sta-

dium Hoki Nasional Bukit Jalil, hari ini, kedua-dua pasukan masih berpeluang merangkul kejuaraan liga andai salah satu pasukan memenangi perlawanan itu.

Namun jika berakhir seri, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang kini menduduki tangga teratas liga dengan memungut 18 mata akan dinobatkan juara liga.

Pengurus pasukan UniKL, Mohd Faiz Isa berkata, segala-galanya kini terletak di tangan pemain tapi tekad meranapkan harapan SSTMI memang tidak pernah pudar.

"Setiap tahun kami tetap-

kan sasaran memenangi dua piala tapi musim lalu SSTMI terlalu gah apabila mendominasi saingan.

"Tidak dinafikan mereka pasukan pilihan sejak beberapa tahun lalu tapi kini kami berpeluang menyekat SSTMI dan cuba memenangi perlawanan ini," katanya.

Sementara itu, pengurus pasukan SSTMI, Mohd Haimee Mohtar berkata, mereka perlu memenangi perlawanan hari ini untuk mempertahankan kejuaraan liga yang dimenangi musim lalu.

"Tidak dinafikan barisan pemain agak sedikit tertekan kerana mereka tiada pilihan

“Saya harap mereka dapat turun dengan tenang dan beraksi sebaik mungkin kerana peluang terbuka luas untuk kami”

Mohd Haimee Mohtar

lain selain menang perlawanan esok (hari ini).

"Saya harap mereka dapat turun dengan tenang dan beraksi sebaik mungkin kerana peluang terbuka luas untuk kami," katanya.